

Tawaf

Pengertian Tawaf

Tawaf ialah berjalan mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh pusingan, yang dilakukan didalam Masjidil Haram di Makkah. Ia dimulai dari Rukun Hajar Aswad dan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan

Tawaf

Hukum Tawaf


Tawaf ialah satu daripada rukun ibadat haji, dan mesti dikerjakan oleh setiap jemaah haji. Ini diterangkan oleh Allah s.w.t. dengan firmanNya di Surah Al-Haj ayat: 29

“Dan hendaklah mereka melakukan tawaf sekeliling rumah tua ini.”

4 Rukun Ka'bah



Ka'bah Dan Ruangan Tawaf



Ka'bah Dan Ruangan Tawaf



Tawaf Dan Jenisnya

1. Tawaf Qudum
2. Tawaf Ifadhah
3. Tawaf Tahiyyat (Sunnat)
4. Tawaf Wada'
5. Tawaf Tahallul
6. Tawaf Nazar

Jenis Tawaf

Tawaf Qudum

Dinamakan juga Tawaf Dukhul (*Selamat Datang*).

Jika yang bertawaf berhaji Ifrad, tawaf ini dinamakan tawaf qudum, tawaf tahiyyat dan tawaf dukhul. Jika yang bertawaf berhaji qiran atau tamattuk, tawaf ini dinamakan tawaf umrah dan tidak perlu mengerjakan tawaf qudum.

Jenis Tawaf

Tawaf Ifadhah

Dinamakan juga Tawaf Rukun, ia adalah satu daripada rukun haji dan umrah. Jika tidak dikerjakan tidaklah sah haji atau umrahnya.

Untuk mengerjakan tawaf ini tidak perlu berniat, kerana niat mengerjakan haji atau umrah sudah mencukupi. Tetapi sunnat diniatkan semula.

Jenis Tawaf

Tawaf Tahaiyyat (Sunnat)

Dinamakan juga Tawaf Sunnat. Tawaf ini dikerjakan setiap kali masuk ke Masjidil Haram, sebagai ganti solat sunnat tahaiyyatul masjid. Atau mengulangi tawafnya ketika berada didalam Masjid Haram. Tawaf inilah yang banyak dikerjakan oleh jemaah haji yang suka dan rajin beribadat. Ia wajib diniatkan, setiap kali bertawaf.

Jenis Tawaf

Tawaf Wada'

Dinamakan juga tawaf selamat tinggal. Ia dikerjakan ketika para jemaah hendak berangkat meninggalkan Kota Makkah. Sama ada akan pulang ke tanah airnya atau untuk berziarah ke Masjid Nabawi di Madinah. Tawaf Wada' ini ialah amalan yang terakhir yang dikerjakan oleh seseorang jemaah, sebelum meninggalkan tanah suci Makkah. Hukumnya adalah **wajib**. Yang meninggalkannya tanpa uzur, adalah berdosa dan diwajibkan membayar dam, dengan menyembelih seekor kambing.

Jenis Tawaf

Tawaf Tahallul


Tawaf ini diwajibkan keatas seseorang yang tidak dapat wukuf di Arafah, kerana sebab-sebab yang tertentu, untuk menghalalkan yang haram. Dia wajib keluar dari ihramnya dengan mengerjakan pekerjaan umrah. Dia wajib membayar dam, dan mengulangi hajinya pada tahun hadapan, jika hajinya fardu.

Jenis Tawaf

Tawaf Nazar

Tawaf ini diwajibkan keatas seseorang yang bernazar hendak mengerjakan tawaf. Kerana wajib baginya untuk menetapi nazarnya. Wajib baginya berniat ketika mengerjakan tawafnya.

Tempat Permulaan Tawaf



Gambar Hajar Al-Aswad



Mengerjakan Tawaf

Tempat menjatuhkan niat tawaf

Untuk memulakan tawaf ialah di **Rukun Hajar Aswad** (*mengadap kepadanya*). Diharuskan menjatuhkan niat diantara Rukun Hajar Aswad dan Rukun Yamani

Mengerjakan Tawaf

Cara-cara mengerjakan tawaf

Menuju ke Rukun Hajar Aswad berdiri dan menghadap Kaabah. Kemudian berniat. Pergi ke Hajar Aswad dan kucup. Jika tidak dapat, sentuh dengan tangan dan kucup tangannya, atau bertongkat dan kucup tongkatnya, jika tidak boleh beristilam dengan melambai dan kucup tangannya. Sunnat beristilam di sudut Rukun Yamani. Sunnat bertakbir setiap kali beristilam

Mengerjakan Tawaf

Sunnat beristilam di sudut Rukun Yamani. Sunnat bertakbir setiap kali beristilam:

Bismillahi, wallaahu Akbaru, walillahi hamdu

Maksudnya: Dengan nama Allah, dan Allah Maha Besar dan segala pujian bagi Allah.